


Gangguan seksual di pejabat

# Wanita perlu tegas


METRO 25/03/07 M/S 9



Pengerusi Yayasan  
Wanita Islam (Yati),  
**Najwa Abdul Aziz**



Pengarah Institut  
Sosial Malaysia  
**Prof Madya Dr  
Mohamad Fadhil  
Che Din**



Saintis Sosial dan  
Eksekutif Unit  
Penyelidikan dan  
Pembangunan Intelek  
Uforia UiTM Perak  
**Airil Haimi Adnan**

**B**AGI menghindari gangguan seksual di tempat kerja, wanita perlu menjaga penampilan iaitu cara berpakaian, tingkah laku dan cara bercakap dengan rakan sekerja berlainan jantina. Sebaiknya, jangan sampai membuat rakan lelaki tertarik untuk mengganggu atau mengusik mereka.

Saya faham, segelintir wanita berperwatakan manja semula jadi dan jika tidak ditegur rakan, dia tidak menyedari sikapnya itu. Sikap begini juga mudah mengundang gangguan lelaki. Mereka ingat wanita itu menyukai mereka, sedangkan wanita berkenaan tiada niat untuk menggoda atau memikat.

Sebenarnya, banyak kes disebabkan masalah dalam diri pelaku (lelaki). Jadi, elak memakai pakaian kurang sopan di pejabat. Rakan memainkan fungsi penting dalam menegur rakan mereka. Selain itu, majikan berhak menegur pekerja yang berpakaian tidak sepatutnya ke pejabat.

Ada dua pilihan bagi wanita yang menghadapi gangguan seksual. Jika tidak berani menanggung risiko, dia berhenti dan mencari pekerjaan lain. Jika tidak, dia boleh melaporkan kejadian itu kepada pihak atasan atau pihak berkuasa supaya sikap lelaki terbabit tidak berterusan.”

**G**ANGGUAN seksual berlaku disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah budaya menganggap wanita insan lemah dan boleh dimanipulasikan. Kesedaran pelaku terhadap hak manusia masih rendah kerana mereka mengganggu wanita kelas kedua, jadi mudah untuk diperlecehkan.

Wanita fitrahnya pasif. Oleh itu, mereka perlu belajar tegas diri kerana jika membiarkan diri dalam keadaan pasif, banyak pihak ambil peluang mempermainkan atau mengganggu.

Gangguan seksual turut

### **Tidak faham sistem budaya menyebabkan lelaki mengambil peluang terhadap kelembutan wanita**

berlaku atas faktor hiraki pekerjaan iaitu bos (lelaki) dengan kakitangannya, wanita. Selain itu, tidak faham sistem budaya menyebabkan lelaki mengambil peluang terhadap kelembutan wanita.

Orang lebih berpengalaman atau pendidikan juga didapati cenderung menguasai pihak yang kurang akan faktor itu. Di samping itu, faktor usia boleh dikaitkan iaitu individu yang tua (lelaki) akan menguasai yang muda (wanita).”

**P**ELAKU gangguan seksual sengaja menunjukkan kekuasaan dan dominasi terhadap orang yang dilihat sebagai lemah. Mangsa harus buat laporan dan ketepikan rasa takut dipersalahkan punca kejadian itu berlaku.

Memang diakui, ramai mangsa gangguan seksual takut membuat aduan kerana bimbang implikasi daripada tindakan itu, tetapi jika tidak buat laporan, mungkin perkara itu berterusan dan pelaku memusingkan cerita yang akhirnya memberi kesan buruk kepada mangsa.

Akhirnya orang tidak

### **Ramai mangsa gangguan seksual takut membuat aduan kerana bimbang implikasi daripada tindakan itu**

bersalah tetap menjadi mangsa. Elak situasi yang boleh mendorong gangguan seksual berlaku.

Banyak perkara boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual. Misalnya, jika seorang rakan sepejabat lelaki sering meminta nombor telefon wanita itu walaupun tidak diberi, kemudian mengata macam-macam dan duduk di tepi meja — di Barat, ia dikira gangguan seksual.”